

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95**

Oktober/November 1994

CTK501 - Sistem Pengoperasian UNIX

Masa: [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahasa Malaysia.
-

1. (a) Jelaskan persamaan dan perbezaan di antara fail dan panduan.
- (b) Apakah nama laluan? Berikan contoh.
- (c) Jelaskan dua makna bagi aksara " / " di dalam struktur fail UNIX.
- (d) Jelaskan makna bagi " . " dan " .. " di dalam hubungannya dengan nama laluan.
- (e) Apakah panduan rumah? Berikan contoh.
- (f) Jelaskan mengenai konsep nama laluan relatif dan nama laluan mutlak. Sertakan contoh-contoh untuk penjelasan anda.
- (g) Berikan kegunaan-kegunaan perintah **cat**.
- (h) Bagaimanakah caranya untuk melihat 13 baris daripada baris 48 sehingga 60 daripada sebuah fail?
- (i) Jelaskan perbezaan di antara perintah **cp** dan **mv**.
- (j) Bagaimanakah caranya untuk menyingkirkan panduan yang tidak kosong dengan perintah **rmdir**?
- (k) Jelaskan mengenai konsep pemilik, kumpulan dan pengguna-pengguna lain di dalam konteks sistem fail UNIX.
- (l) Apakah kesan ke atas fail cuba apabila perintah berikut diberikan:
\$ chmod 765 cuba
- (m) Apakah persediaan yang perlu dibuat sebelum anda boleh menggunakan penyunting **vi** dengan selesa.
- (n) Jelaskan perbezaan dan persamaan di antara perintah **write** and **mail**.
- (o) Jelaskan mengenai "standard input" dan "standard output".

[45/100]

2. (a) Tuliskan skrip cangkerang untuk menukar semua aksara huruf kecil daripada sebuah fail kepada aksara huruf besar dan menyimpannya di dalam fail lain.
[5/100]
- (b) Tuliskan skrip cangkerang untuk memaparkan kandungan sebuah fail. Sekiranya nama fail tidak disertakan pada baris perintah, minta pengguna untuk memasukkan nama fail untuk dipaparkan.
[10/100]

3. Katakan fail umur mempunyai data seperti berikut:

Mary Lim 33
Lata Narayanan 45
Karim Syam 3
Karim Syam 3
Anas Bakar 50

- (a) Apakah yang terhasil apabila perintah-perintah berikut diberikan:
- (i) \$sort +1 -r -u umur
 - (ii) \$grep -v "Lata Narayanan" umur
 - (iii) \$wc umur
- [15/100]
- (b) Tuliskan langkah-langkah yang perlu dibuat untuk menghantar fail umur melalui mel kepada saya yang mempunyai alamat mastura@cs.usm.my.
- [5/100]
- (c) Katakan anda sedang menyunting fail umur. Apakah langkah-langkah yang perlu dibuat untuk memindahkan 2 baris pertama ke bawah baris akhir.
- [5/100]
4. Berikan penjelasan ringkas mengenai sistem terbuka dan bagaimana UNIX berperanan di dalam perlaksanaan sistem terbuka.
- [15/100]

- oooOooo -